



SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA PULIHKAN 166 PROJEK PERUMAHAN SWASTA BAGI TEMPOH JAN-APRIL 2025

PUTRAJAYA, 19 Mei 2025 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah mempengerusikan Mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 3 Tahun 2025 pada hari ini bagi meneliti kemajuan terkini pemulihan projek-projek perumahan swasta yang lewat, sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah memaklumkan bahawa sehingga 30 April 2025, TFST telah mengesan dan memantau sebanyak **233 projek perumahan swasta yang dikategorikan sebagai lewat, 339 projek sebagai sakit dan 114 projek sebagai terbengkalai** di seluruh negara. Berdasarkan perbandingan dengan data pada 31 Mac 2025 yang lalu, jumlah projek sakit telah mencatatkan penurunan daripada 360 kepada 339 projek, manakala projek lewat turut menunjukkan penurunan daripada 267 kepada 233 projek. Sementara itu, jumlah **projek terbengkalai** masih kekal sebanyak **114 projek**. Secara keseluruhan, projek-projek ini melibatkan **nilai pembangunan kasar (Gross Development Value – GDV) sebanyak RM101.98 bilion** dan merangkumi **119,964 unit rumah**.

Secara keseluruhannya, bagi tempoh 1 Januari hingga 30 April 2025, TFST telah berjaya memulihkan sebanyak 166 projek perumahan swasta, melibatkan 19,205 unit rumah dengan GDV bernilai RM11.58 bilion. Daripada jumlah tersebut, jumlah projek yang berjaya dipulihkan **TFST bagi tempoh 1 April 2025 hingga 30 April 2025 ialah sebanyak 49 projek yang merangkumi 7,413 unit rumah dengan nilai GDV sebanyak RM3.96 bilion**. Daripada 49 projek yang berjaya ditangani pada bulan April 2025, sebanyak 45 projek telah berjaya memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC) dan empat (4) projek sakit telah kembali menjadi projek yang lancar.

Bagi projek perumahan swasta terbengkalai melibatkan tempoh sehingga April 2025, sebanyak **dua (2) projek (392 unit rumah)** melibatkan GDV sebanyak RM50.76 juta telah berjaya dipulihkan sepenuhnya melalui kaedah penyiapan projek sehingga memperoleh CCC dan penyelesaian pembeli. Projek terbengkalai yang berjaya dipulihkan adalah seperti berikut:

- i. **Projek Perumahan Permatang Shahbandar, Maran, Pahang**
- ii. **Projek Ibai Golf Home Resort, Kuala Terengganu, Terengganu**

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah “Pencapaian ini adalah bukti nyata bahawa usaha bersepadu TFST bersama sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Teknikal dan Agensi Penyedia Utiliti telah membuahkan hasil yang ketara. Ia juga selaras dengan agenda utama KPKT demi kesejahteraan para pembeli rumah yang terjejas”.

Sebanyak **36 projek perumahan swasta telah dilawati** sepanjang tahun 2024. Sehingga 30 April 2025, sebanyak **11 lagi projek telah dilawati**, menjadikan jumlah keseluruhan projek yang telah dilawati setakat ini ialah **47 projek**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **26 projek telah berjaya memperoleh CCC** manakala baki 21 projek lain menunjukkan kemajuan kerja yang signifikan dan berada pada landasan yang baik untuk disiapkan mengikut jadual yang dirancang.

TFST akan terus memainkan peranan utama sebagai platform penyelesaian dalam menangani isu projek perumahan swasta yang bermasalah dengan mengemukakan cadangan penyelesaian yang berkesan bagi melindungi kepentingan pembeli. Inisiatif ini selaras dengan matlamat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mencapai sifar projek terbengkalai menjelang tahun 2030. Usaha yang dilaksanakan bukan sahaja membuktikan keberkesanan intervensi kerajaan, malah turut menunjukkan hasil yang positif menerusi kerjasama erat semua pihak berkepentingan demi memastikan hak pembeli rumah di negara ini terus dilindungi.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

